



KENYATAAN MEDIA

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR**

ISU HAKISAN DI PANTAI PULAU KUNDUR DAN PANTAI MEK MAS, KOTA BHARU

24 JANUARI 2017

Berhubung isu hakisan yang berlaku di Pantai Pulau Kundur dan Pantai Mek Mas , Kota Bharu yang dilaporkan dalam akhbar baru-baru ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), sedang mengambil tindakan segera bagi menangani isu tersebut.

Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengambil tindakan segera untuk mencegah masalah hakisan daripada kedua-dua pantai berkenaan yang terjejas dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM18.5 juta dibawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Tender bagi kerja- kerja tersebut dijangka keluar pada bulan Mac atau April 2017. Kerajaan sentiasa komited memastikan isu ini dapat ditangani segera demi kesejahteraan penduduk Kelantan.

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**